



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN
PEMUDAHCARAAN PERIBAHASA BAHASA
MELAYU MENGGUNAKAN BAHAN
MULTIMODAL DI SEKOLAH
MENENGAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SHALINE A/P SANMUGAM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN PERIBAHASA
BAHASA MELAYU MENGGUNAKAN BAHAN MULTIMODAL
DI SEKOLAH MENENGAH**

SHALINE A/P SANMUGAM

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 12 Oktober 2021

i. Perakuan pelajar:

Saya, SHALINE A/P SANMUGAM, Fakulti Bahasa Dan Komunikasi dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN PERIBAHASA BAHASA MELAYU MENGGUNAKAN BAHAN MULTIMODAL DI SEKOLAH MENENGAH adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya.

(SHALINE A/P SANMUGAM)

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr. Alizah Binti Lambri dengan ini mengesahkan hasil kerja pelajar yang bertajuk PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN PERIBAHASA BAHASA MELAYU MENGGUNAKAN BAHAN MULTIMODAL DI SEKOLAH MENENGAH dihasilkan seperti mana di atas, dan telah diserahkan kepada Fakulti Pembangunan Manusia bagi memperolehi sebahagian syarat memperolehi **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU)**

Tarikh

Tandatangan Penyelia



BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI DECLARATION OF DESSERTATION

Tajuk / Title: PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN PERIBAHASA BAHASA MELAYU MENGGUNAKAN BAHAN MULTIMODAL DI SEKOLAH MENENGAH

No. Matrik / *Matric's No.*: M20171000925
Saya / *I*: SHALINE A/P SANMUGAM

mengaku membenarkan Disertasi Sarjana ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that my [Final Year Project Report] is kept at Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) and reserves the right as follows:-

1. Tesis ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library is not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*
 - ☐ **SULIT/CONFIDENTIAL** Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
 - ☐ **TERHAD/RESTRICTED** Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*
 - ☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ *Signature of Student*)

Tarikh/Date: _____

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)

& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya panjatkan kesyukuran kepada tuhan kerana memberikan saya kesihatan yang cukup, masa dan kematangan fikiran untuk menyiapkan kajian ini. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia saya Dr. Alizah binti Lambri atas bantuan yang sebegitu besar, bimbingan, teguran dan nasihat yang begitu berguna sepanjang kajian ini. Kepakaran beliau telah banyak membantu meningkatkan lagi semangat saya untuk menyiapkan kajian ini.

Seterusnya, terima kasih saya ucapkan kepada ahli keluarga saya, iaitu ibu bapa saya Pn. Anjalai dan En. Sanmugam serta adik-beradik saya kerana memberikan sokongan dan dorongan kepada saya sepanjang kajian ini disiapkan. Terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka kerana memberikan saya bantuan dari segi kewangan dan tidak pernah membebankan dengan tanggungjawab yang lain.

Saya dengan amat besar hati ingin mendedikasikan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada guru-guru yang dan murid-murid yang terlibat dalam kajian ini kerana sanggup mengorbankan masa untuk saya dalam menyempurnakan kajian ini.

Tidak lupa juga kepada teman sehati saya, Taneswaran, Shamini, Thayalini dan Ravisangarri, terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada anda semua. Setiap kata-kata semangat dan dorongan anda semua semenangnya mendorong saya mengorak langkah ke garisan kejayaan. Di samping itu, idea dan pendapat anda semua telah membantu menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Terima kasih atas persahabatan itu.

Sebelum menutup bicara, saya ingin menyampaikan sekalung terima kasih kepada sesiapa sahaja yang terlibat dalam kajian ini sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Kesudian dan pertolongan anda amat saya hargai.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji tahap penguasaan murid dalam peribahasa bahasa Melayu dengan menggunakan bahan multimodal di samping menarik minat murid untuk mengikuti sesi pembelajaran peribahasa di dalam kelas. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti strategi yang digunakan oleh guru dalam melaksanakan peribahasa di sekolah, mengenal pasti pendekatan PdPc guru menggunakan bahan multimodal dan menghuraikan kesan penggunaan bahan multimodal dalam pengajaran peribahasa bahasa Melayu terhadap pembelajaran murid. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kes. Tiga teknik pengumpulan data telah digunakan, iaitu pemerhatian, temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen. Tiga orang guru bahasa Melayu terlibat sebagai peserta kajian utama, manakala murid-murid di dalam kelas mereka turut dijadikan sebagai informan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat dua strategi yang digunakan oleh guru untuk mengajar peribahasa bahasa Melayu menggunakan elemen bahan multimodal, iaitu strategi berpusatkan guru dan strategi berpusatkan murid. Pendekatan PdPc yang kerap digunakan oleh guru ialah pendekatan belajar sambil bermain dengan menggunakan bahan multimodal seperti bahan visual, auditori dan kinestetik. Kajian turut mendapati bahawa penggunaan bahan multimodal dalam PdPc peribahasa bahasa Melayu dapat membantu mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif, menarik minat murid, mendorong murid untuk lebih fokus, berfikir terbuka, kreatif, kritis dalam menyelesaikan masalah dan turut meningkatkan prestasi murid dalam menguasai peribahasa di dalam kelas. Secara keseluruhannya, kajian ini memberi implikasi terhadap pembelajaran murid, iaitu dapat mempengaruhi sikap, motivasi dan pencapaian mereka dalam pembelajaran bahasa Melayu, khususnya dalam aspek peribahasa, serta dapat mendorong guru bahasa Melayu untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka di sekolah bersesuaian dengan teknik pengajaran dan pembelajaran abad ke-21.

IMPLEMENTATION OF LEARNING AND FACILITATION IN MALAY PROVERB USE MULTIMODAL MATERIALS IN SECONDARY SCHOOL

ABSTRACT

This study aims to examine the mastery level of students in Malay proverbs using multimodal material in addition to attract the students to participate in proverb learning sessions in the classroom. The objective of this study was to identify the strategies used by teachers in implementing the proverb learning in schools, identify the approach used by teachers during PdPC using multimodal material and describe the effect in the usage of multimodal material in teaching Malay proverbs on student's learning. This study is qualitative in nature using case study method. Three data collection techniques were used, namely observation, semi -structured interviews and document analysis. Three Malay language teachers involved as the main research subjects, while students in their classroom served as informants. The findings showed that there were two strategies used by teachers to teach Malay proverbs using multimodal material element, that is teacher-centered strategy and student-centered strategy. The PdPc approach that is often used by teachers is the approach of learning while playing using multimodal materials such as visual, auditory and kinesthetic materials. The study also found that the use of multimodal material in the PdPc of Malay proverbs can help to create an active learning atmosphere, attract the students, encourage the students to be more focused, open-minded, creative and critical in solving problems and also improve the level of students in mastering the proverbs in class . Overall, this study has significant effect on student's learning, which can affect their attitude, motivation and achievement in learning the Malay language, especially in the aspect of proverbs, and can encourage the Malay language teachers to diversify their teaching methods in schools in accordance with the 21st century teaching and learning techniques.



KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI GAMBAR	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xvi



BAB 1	Pengenalan	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Soalan Kajian	9
1.6	Batasan Kajian	10
1.7	Kepentingan Kajian	11
1.8	Definisi Operasional	14
1.8.1	Pelaksanaan	14
1.8.2	Peribahasa	15
1.8.3	Multimodal	15
1.8.4	Sekolah Menengah	16
1.8.5	Strategi Pengajaran	17
1.8.6	Pendekatan	17
1.9	Kerangka Konseptual	17



1.10 Kesimpulan	19
-----------------	----

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	21
2.2 Teori dan Model Pengajaran dan Pembelajaran Yang Berkaitan Dengan Kajian	21
2.2.1 Teori Kecerdasan Pelbagai	21
2.2.2 Teori Pembelajaran Konstruktivisme	25
2.2.3 Model Gaya Pembelajaran VAK	27
2.3 Konsep Multimodal	29
2.4 Konsep Peribahasa	29
2.4.1 Penerapan Peribahasa dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran	31
2.4.2 Jenis-jenis Peribahasa Melayu	34
2.5 Bahan Bantu Mengajar	37
2.6 Tinjauan Kajian Lepas	39
2.7 Kesimpulan	50

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pendahuluan	51
3.2 Reka Bentuk Kajian	51
3.2.1 Rasional Pemilihan Reka Bentuk Kualitatif	52
3.2.2 Rasional Pengkaji Menggunakan Kaedah Kajian Kes	54
3.3 Lokasi Kajian	55
3.3.1 Rasional Pemilihan Lokasi Kajian	56
3.4 Peserta Kajian	57
3.4.1 Latar Belakang Peserta Kajian	58
3.4.2 Latar Belakang Murid	63
3.5 Instrumen Kajian	64
3.5.1 Senarai Semak Pemerhatian	65
3.5.2 Protokol Temu Bual	65
3.5.3 Senarai Semak Dokumen	66

3.6	Teknik Pengumpulan Data	66
3.6.1	Temu Bual	66
3.6.2	Pemerhatian	71
3.6.3	Analisis Dokumen	73
3.7	Prosedur Penganalisan data	74
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan	78
3.8.1	Triangulasi Data	78
3.8.2	Jejak Audit	80
3.9	Kesimpulan	80

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	82
4.2	Strategi yang Digunakan oleh Guru dalam Melaksanakan Pengajaran Peribahasa Bahasa Melayu.	83
4.2.1	Latar Belakang Pendidikan Guru	83
4.2.2	Pengalaman Mengajar	86
4.3	Rumusan	100
4.4	Pelaksanaan Bahan Multimodal Dalam PdP Peribahasa Bahasa Melayu	102
4.4.1	Persediaan Guru	102
4.4.2	Pendekatan Pelaksanaan Bahan Multimodal Dalam Peribahasa Bahasa Melayu	106
4.4.3	PdP di Luar Kelas	131
4.4.4	Suasana Pembelajaran Aktif	135
4.4.5	Bahan Bantu Mengajar (BBM)	138
4.5	Rumusan	142
4.6	Kesan Penggunaan Bahan Multimodal Dalam Pengajaran Peribahasa Bahasa Melayu Terhadap Pembelajaran Murid.	145
4.6.1	Manfaat penerapan PdP bahan multimodal kepada murid	145
4.6.2	Kemahiran Bernilai Tambah	148

4.6.3	Tingkah Laku Murid Terhadap Pelaksanaan Bahan Multimodal	156
4.6.4	Penilaian Prestasi	158
4.7	Rumusan	164
4.8	Kesimpulan	166
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pendahuluan	167
5.2	Rumusan Kajian	168
5.3	Perbincangan Hasil Kajian	169
5.3.1	Strategi yang Digunakan oleh Guru Dalam Melaksanakan Pengajaran Peribahasa.	169
5.3.2	Pelaksanaan Bahan Multimodaal dalam PdP Peribahasa Bahasa Melayu	176
5.3.3	Kesan Penggunaan Bahan Multimodal dalam Pengajaran Peribahasa Bahasa Melayu terhadap Pembelajaran Murid	190
5.4	Rumusan	197
5.5	Implikasi Kajian	199
5.5.1	Implikasi terhadap Murid, Guru dan Sekolah	199
5.5.2	Implikasi Kajian Terhadap Teori dan Model	201
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	204
5.7	Penutup	205
	RUJUKAN	207
	LAMPIRAN	215

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Bilangan Murid Sebagai Informan bagi Setiap Kelas	64
3.2	Jadual Temu Bual Jessica Koh	70
3.3	Jadual Temu Bual Diana	70
3.4	Jadual Temu Bual Thanu	70
3.5	Jadual Pemerhatian Jessica Koh	72
3.6	Jadual Pemerhatian Diana	73
3.7	Jadual Pemerhatian Thanu (PK3)	73
3.8	Contoh Jadual Proses Analisis Data	77
4.1	Penggunaan Elemen Bahan Multimodal dalam Setiap Peringkat Pengajaran	131
4.2	BBM dalam Pelaksanaan PdP Peribahasa Menggunakan Bahan Multimodal	141

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual	18
3.1	Proses Penganalisan data	75
3.2	Triangulasi	79
4.1	Tema dan Konstruk Strategi Pelaksanaan PdP Peribahasa	101
4.2	Tema dan Konstruk Pelaksanaan Bahan Multimodal dalam PdP Peribahasa Bahasa Melayu	144
4.3	Tema dan Konstruk Kesan Pembelajaran Murid Terhadap Penggunaan Bahan Multimodal	165

SENARAI GAMBAR

No. Gambar		Muka Surat
4.1	Murid memerhati slaid dan mengaitkan gambar tersebut untuk menyatakan peribahasa yang betul.	93
4.2	Murid melihat dan membaca dengan kuat teks yang terdapat dalam video yang dimainkan oleh guru.	93
4.3	Murid melakukan aktiviti melukis untuk dibentangkan kepada murid lain.	118
4.4	Murid menunjukkan hasil lukisan dan meminta murid-murid lain diminta untuk meneka dan mengaitkan peribahasa.	119



SENARAI SINGKATAN

PdPc	Pengajaran dan Pemudahcaraan
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PdPR	Pengajaran dan Pembelajaran Rumah
VAK	Visual, Auditori, Kinestetik
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
BBM	Bahan Bantu Mengajar
KBT	Kemahiran Bernilai Tambah
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
BCB	Belajar Cara Belajar
TKP	Teori Kecerdasan Pelbagai
PK1	Peserta Kajian 1
PK2	Peserta Kajian 2
PK3	Peserta Kajian 3
PKJ	Pengkaji
P	Pelajar
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
PSLE	Primary School Learning Environment
Et. Al	Et alia
KOMSAS	Komponen Sastera



SMKBM	Sekolah Menengah Kebangsaan Bunga Matahari
APC	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
SAPH	Sapphire
EM	Emerald
TPZ	Topaz
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
UPM	Universiti Pendidikan Malaysia
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
UM	Universiti Malaya
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum & Pentaksiran
BM	Bahasa Melayu
ABM	Amalan Bahasa Melayu
GKMP	Guru Kanan Mata Pelajaran
KP	Ketua Panitia
PK	Penolong Kanan
VLE	Virtual Learning Enviroment
LCD	Liquid-Crystal Display
TB1	Temu Bual 1
TB2	Temu Bual 2
TB3	Temu Bual 3
TB4	Temu Bual 4
PM1	Pemerhatian 1
PM2	Pemerhatian 2
PM3	Pemerhatian 3
PM4	Pemerhatian 4

SENARAI LAMPIRAN

- A Transkrip Temu Bual Peserta Kajian 1 (PK1)
- B Transkrip Temu Bual Peserta Kajian 2 (PK1)
- C Transkrip Temu Bual Peserta Kajian 3 (PK1)
- D Transkripsi Temu Bual Bersama Murid
- E Catatan Pemerhatian I
- F Catatan Pemerhatian II
- G Catatan Pemerhatian III
- H Latihan Murid I
- I Latihan Murid II
- J Latihan Murid III
- K Senarai Semak Pemerhatian
- L Senarai Semak Dokumen RPH
- M Borang Catatan Pemerhatian
- N Soalan Temu Bual Separa Berstruktur

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan perkara-perkara asas yang berkaitan dengan kajian, iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, batasan kajian, kepentingan kajian dan juga definisi operasional. Huraian dalam bab ini menunjukkan satu gambaran umum tentang tajuk kajian iaitu “Pelaksanaan Pembelajaran dan Pemudahcaraan Peribahasa Bahasa Melayu Menggunakan Bahan Multimodal di Sekolah Menengah”.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017 bagi memenuhi dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Kurikulum baharu berasaskan standard ini mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi yang didokumenkan sebagai Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Kajian



ini sememangnya mempunyai pertalian yang kukuh dengan kurikulum kerana penerapan peribahasa dapat dilihat menerusi aspek seni bahasa dalam DSKP Bahasa Melayu.

DSKP Bahasa Melayu (2016) terdiri daripada lima kemahiran bahasa iaitu, kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran menulis, kemahiran membaca, aspek seni bahasa dan aspek tatabahasa. Aspek seni bahasa sebenarnya memberikan tumpuan kepada aspek kebahasaan dan kesusasteraan yang estetik, indah dan halus dalam bahasa Melayu yang perlu difahami dan dikuasai oleh murid. Penguasaan seni bahasa merangkumi kemahiran memahami dan mengapresiasi karya prosa dan puisi melalui PdP Komponen Sastera (KOMSAS), serta penguasaan bahasa kiasan. Melalui seni bahasa murid berpeluang untuk mencipta, menghasilkan dan mempersembahkan karya kreatif pelbagai genre melalui lisan dan penulisan dalam pelbagai teknik yang menarik. Hakikat kajian ini mendasari kurikulum bahasa Melayu, PdP guru seharusnya perlu mendedahkan murid-murid mengenai pengajaran peribahasa di sekolah.

Peribahasa merupakan elemen yang sangat penting khususnya bagi masyarakat Melayu untuk mengungkapkan minda, pemikiran dan juga akal budi. Menurut Aminudin Mansor (2018) peribahasa dalam bahasa Melayu ialah khazanah falsafah dan pemikiran bangsa Melayu yang mempunyai nilai kebijaksanaan dan juga kecerdikan. Dahulu, peribahasa dicipta dengan makna yang tersurat dan tersirat untuk direnung dan dijadikan teladan atau pengajaran pada masa ini. Peribahasa dicipta dengan menggunakan perbandingan alam, benda, haiwan dan pengalaman kehidupan sekitarnya sebagai pengalaman dan peringatan hidup yang berguna.





Selain itu, peribahasa juga bertujuan sebagai pengawal sosial iaitu digunakan untuk menegur masyarakat secara berkias. Hal ini menunjukkan bahawa peribahasa sangat penting bagi menentukan panduan dalam hidup seseorang di samping dapat dijadikan iktibar, pedoman dan juga pengajaran dalam kalangan masyarakat.

Kini, peribahasa semakin dilupakan dan tidak lagi dititikberatkan oleh golongan muda, khususnya dalam kalangan muri-murid. Menurut Sarimah (2014), beliau menyatakan bahawa pelajar didapati tidak dapat meraih markah yang baik bagi komponen peribahasa dalam kertas peperiksaan kerana tidak dapat melihat nilai estetik, falsafah dan keintektualan yang sedia ada dalam peribahasa Melayu. Pengajaran peribahasa di sekolah memang dilaksanakan, namun murid-murid sukar untuk memahami maksud tersirat sesuatu peribahasa yang diajarkan. Oleh itu, pelbagai pendekatan yang perlu diaplikasikan oleh guru supaya pelajar berminat dan memahami peribahasa yang diajar supaya peribahasa terus disanjung tinggi.

Menurut Nur Faizah Matnoor et.al (2011) pengetahuan tentang peribahasa menyokong pembentukan sahsiah dan nilai pelajar di samping meningkatkan kemahiran berfikir. Namun, pengajaran peribahasa sukar menarik perhatian dan minat murid. Teknik dan pendekatan yang digunakan dalam pengajaran peribahasa merupakan salah satu faktor yang penting untuk menanam rasa keseronokan dan sifat ingin tahu dalam diri seseorang murid. Pendekatan yang efisien dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) dapat meningkatkan kefahaman pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Melayu. Guru-guru perlu mengambil inisiatif dalam mempelbagaikan kaedah atau strategi dalam menjana suasana pembelajaran yang harmoni.



Oleh sebab pengajaran peribahasa semakin kurang dititikberatkan pada masa ini, kajian ini mengutarakan pengajaran yang menggunakan bahan multimodal harus diterapkan oleh guru dalam PdPc. Guru-guru perlu mengatur teknik bagi pengajaran peribahasa yang baik dan berkesan khususnya bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif di dalam kelas. Oleh hal yang demikian bahan multimodal seperti visual, auditori dan juga kinestetik perlu diaplikasikan oleh guru sebagai teknik pengajaran peribahasa agar murid lebih seronok untuk belajar dan mudah memahami isi pelajaran.

Menurut Nor Ashikin (2012), elemen visual mendukung peranan yang penting dalam proses menyampaikan sesuatu maklumat dan pengetahuan dalam komunikasi. Dalam konteks pendidikan, visualisasi didefinisikan sebagai keupayaan membayangkan rupa bentuk dan memutarakan bayangan tersebut. Pendekatan visual ialah komunikasi untuk menerima dan mendapat maklumat yang disalurkan dalam proses PdPc menggunakan visual atau deria mata. Menurut Norzuraina (2015) pendekatan visual berkaitan dengan bahan maujud seperti carta, slaid pembentangan, poster dan majalah dapat memberikan kefahaman yang jelas kepada pelajar. Dengan mengaplikasikan elemen visual, murid akan mudah mengingat nota-nota yang diajar dengan hanya melihat peta minda, gambar rajah yang dibuat, mengingat tulisan yang dicatat. Dengan ini elemen visual wajar diaplikasikan oleh guru dalam PdP supaya dapat meningkatkan kefahaman murid di dalam kelas.

Pendekatan auditori bererti pelajar belajar dengan cara mendengar. Pendekatan auditori ini lebih cenderung menggunakan pendengaran bagi mengingat apa yang diajar. Kebiasaannya, guru menggunakan audio supaya murid mendengar



apa yang disampaikan melalui radio itu. Pendekatan yang digunakan ini akan menyebabkan murid mudah mengingat fakta yang diajar melalui deria pendengarannya. Hal ini kerana mereka akan dapat mengingat semua makna dan fakta yang diajar melalui intonasi bunyi suara yang dikeluarkan oleh guru. Dengan ini, murid berkebolehan untuk menghafal dengan lebih cepat dan mudah dengan cara membaca dengan kuat dan juga mendengar rakaman pengajaran. Hal ini dapat meningkatkan lagi kefahaman murid khususnya dalam pengajaran peribahasa.

Menurut Erva Suriyanti (2015), proses belajar dengan pendekatan kinestetik bertujuan untuk meningkatkan penalaran dan komunikasi anak murid autis dalam segala sudut pandangan agar dapat disimpulkan mencapai keberhasilan. Pendekatan kinestetik pula ialah murid belajar dengan cara bergerak, bekerja dan menyentuh. Dalam erti kata lain, murid akan melakukan sesuatu perkara dengan cara mengaplikasikan apa-apa yang mereka lihat dan dengar sepanjang proses pembelajaran. Pendekatan ini melibatkan pergerakan fizikal seperti lakonan, memainkan peranan, berjalan dan sebagainya. Melalui pendekatan kinestetik ini, guru akan membuat gerakan ketika mengajar supaya pelajar akan dapat memproses dan mengingat maklumat dengan baik. Guru juga akan menggerakkan tangan, menggunakan bahasa isyarat, berlakon dan sebagainya supaya pelajar akan dapat mengingat semua yang diajar. Pelajar juga akan dapat mengaplikasikan pendekatan ini untuk mudah memahami sesuatu pelajaran. Pelajar juga akan menulis sambil mereka membaca atau berkomunikasi sesama kawan. Elemen kinestetik ini dikatakan lebih berkesan kerana pelajar itu sendiri mengaplikasikan segala sesuatu yang diajar melalui penglihatan dan juga pendengaran.



Menurut Shahabuddin Hashim (2004), sekiranya ketiga-tiga elemen ini akan digabungkan dalam sesebuah PdP, pembelajaran yang kreatif, inovatif dan berkesan dapat diwujudkan dalam menyampaikan maklumat yang ingin disampaikan kepada murid. Menurut Ahmad Rizal (2005) kajian yang dibuat oleh Wharton Business School, *University Pennsylvania U.S.A* yang menggunakan aplikasi ini sebagai bahan bantu mengajar, seseorang pelajar akan dapat mengingat (10%) daripada apa yang dibaca, manakala, (20%) daripada apa yang didengar, (40%) daripada apa yang didengar dan dilihat serta (70%) daripada apa yang didengar, dilihat dan dilakukan. Dengan adanya ketiga-tiga pendekatan ini, maka, pelajar bukan sahaja akan semakin berminat untuk mendalami ilmu akademik, malah akan merangsang pelajar untuk lebih berfikir kreatif dan menanamkan semangat ingin tahu tentang teknologi yang digunakan dalam sistem pembelajaran yang

Berdasarkan kepada beberapa kajian lepas, pengkaji mendapati PdP menggunakan bahan multimodal amat sesuai dan relevan untuk diimplimentasikan di dalam kelas. Justeru, kajian ini memberikan penekanan kepada pelaksanaan PdPc menggunakan bahan multimodal dalam pengajaran peribahasa bahasa Melayu di sekolah menengah.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian mengenai isu pendidikan seperti penguasaan peribahasa pernah dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Namun demikian kajian-kajian tersebut mengkaji peribahasa menggunakan pendekatan semantik inkuisitif, kaedah permainan dan



mengkaji aspek leksikal dan makna peribahasa itu sendiri. Titik tolak daripada kajian-kajian lepas, pengkaji mendapati bahawa belum ada kajian-kajian yang mengupas tentang penggunaan bahan multimodal dalam pengajaran dan pembelajaran peribahasa di sekolah.

Penguasaan peribahasa yang lemah dalam kalangan murid masih menjadi isu utama dalam pendidikan. Hal ini demikian kerana berdasarkan Laporan Ujian Penilaian Bahasa Melayu, SMKBM (2018), pengkaji mendapati bahawa tahap penguasaan murid dalam menjawab soalan-soalan peribahasa adalah lemah dan tidak memuaskan. Laporan turut menunjukkan bahawa seramai 63% murid tidak berjaya untuk menjawab kesemua soalan peribahasa tersebut. Kajian Zanariah (2016) menyatakan bahawa sebahagian besar pelajar di sekolah menghadapi masalah menggunakan peribahasa yang sesuai mengikut konteks, sama ada dalam penulisan mahupun menjawab soalan PT3 dan SPM. Pengetahuan makna peribahasa dalam kalangan murid yang berada pada tahap sederhana dan lemah, bukan sahaja menyukarkan malah menghalang pelajar daripada menggunakan peribahasa dalam aktiviti pembelajaran bahasa bagi meningkatkan keterampilan berbahasa mereka.

Selain itu, kajian Zaitul Azma (2010) mendapati penguasaan peribahasa dalam kalangan murid tingkatan tiga menunjukkan prestasi yang amat lemah. Kemerosotan prestasi murid dalam penguasaan peribahasa adalah disebabkan kerana bahan pengajaran yang digunakan oleh guru semasa PdP adalah kaku, tidak mencabar dan amat membosankan. Ridzuan (2019) menjelaskan kebanyakan daripada murid-murid tidak dapat menguasai ungkapan-ungkapan peribahasa dan maknanya dengan baik. Beliau menambah lagi bahawa jawapan dan maklum balas





daripada murid sungguh mengecewakan sekiranya murid-murid diminta untuk mengenal pasti peribahasa, menyatakan maksud dan pelbagai soalan yang lain. Oleh itu, strategi PdP peribahasa yang betul perlu dikaji dan dijadikan amalan supaya proses pembelajaran peribahasa menjadi lebih bermakna.

Pernyataan masalah yang kedua ialah kaedah pengajaran guru di dalam kelas. Peribahasa merupakan elemen penting yang turut dibincangkan dalam DSKP bahasa Melayu. Pelbagai kaedah pengajaran diterapkan oleh guru dalam PdP bahasa Melayu namun didapati bahawa kebanyakan guru masih lagi menggunakan kaedah pengajaran secara tradisional. Berdasarkan penelitian Rancangan Pengajaran Harian (RPH), didapati guru lebih banyak mempraktikkan pengajaran secara konvensional di dalam kelas berbanding pengajaran yang berpusatkan murid. Kajian Subet & Nasir (2019) menyatakan bahawa penggunaan kaedah konvensional seperti mengajar topik peribahasa dengan hanya mengkaji makna sahaja tidak dapat membina pengetahuan pelajar secara mendalam dan menyeluruh. Ini bermakna murid seharusnya tidak digalakkan untuk menghafal peribahasa dan maknanya semata-mata.

Seterusnya, meskipun terdapat guru yang mengajarkan peribahasa menggunakan elemen visual, namun ketidakpelbagaian cara dan bahan pengajaran di dalam kelas mendorong murid menjadi tidak berminat untuk mengikuti PdP yang dilaksanakan. Misalnya, kajian Mohd Ridzuan (2017) telah memperlihatkan penguasaan peribahasa dan makna menggunakan PISATUM, iaitu kad imbas. Hasil kajian menunjukkan kesan yang positif terhadap penguasaan peribahasa dalam kalangan murid. Oleh hal yang demikian kajian ini ingin melihat pelaksanaan





pengajaran peribahasa menggunakan tiga elemen bahan multimodal, iaitu visual, auditori dan kinestetik.

1.4 Objektif Kajian

Dalam dunia penyelidikan zaman moden, suatu kajian atau penyelidikan yang dilakukan tanpa mempunyai objektif kajian tidak boleh dianggap sebagai penulisan yang bersifat akademik dan ilmiah. Oleh hal yang demikian penyelidikan ini mempunyai tiga objektif kajian yang tertentu. Antara objektif kajian tersebut adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti strategi yang digunakan oleh guru bahasa Melayu dalam melaksanakan pengajaran peribahasa di sekolah.
- ii. Mengenal pasti pendekatan yang digunakan guru bahasa Melayu yang menggunakan bahan multimodal khususnya dalam PdPc peribahasa.
- iii. Menghuraikan kesan penggunaan bahan multimodal dalam pengajaran peribahasa bahasa Melayu terhadap pembelajaran murid.

1.5 Soalan Kajian

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik untuk menjawab soalan-soalan berikut:

- i. Apakah strategi yang digunakan oleh guru dalam melaksanakan pengajaran peribahasa bahasa Melayu di sekolah menengah?





- ii. Apakah pendekatan yang digunakan oleh guru dengan menggunakan bahan multimodal dalam PdPc peribahasa bahasa Melayu?
- iii. Bagaimanakah kesan penggunaan bahan multimodal dalam pengajaran bahasa Melayu terhadap pembelajaran murid?

1.6 Batasan Kajian

Kajian pelaksanaan PdPc peribahasa bahasa Melayu menggunakan bahan multimodal ini telah dibataskan kepada murid-murid sekolah menengah sahaja. Menurut Cresswell (2005) bilangan peserta kajian yang sesuai dalam kajian kualitatif adalah satu hingga tiga puluh orang manakala Mc Millan dan Schumacer (2006) menyatakan satu hingga empat puluh orang adalah lebih ideal dalam melaksanakan kajian berbentuk kualitatif.

Dalam kajian ini, tiga daripada lima orang guru bahasa Melayu telah dipilih sebagai responden kajian dan 80 orang murid terlibat sebagai informan untuk mendapatkan maklumat dan maklum balas tambahan. Ketiga-tiga guru tersebut dijadikan sebagai responden kajian atas faktor memiliki latar belakang pendidikan dalam bidang bahasa Melayu. Selain itu, mereka turut dijadikan sebagai responden kajian utama kerana didapati kaedah pengajaran peribahasa menunjukkan kelainan daripada guru yang bukan opsyen daripada pendidikan bahasa Melayu sepenuhnya.

Dalam kajian ini, pengkaji memilih sebuah sekolah menengah sebagai lokasi kajian. Sekolah menengah tersebut dinamakan sebagai SMK Bunga Matahari (SMKBM). SMKBM tersebut dipilih sebagai lokasi kajian kerana Laporan Ujian Penilaian membuktikan bahawa penguasaan peribahasa dalam kalangan murid tidak mencapai tahap sederhana. Hal ini disebabkan kerana wujudnya beberapa kekangan





dan pembaharuan dalam metode pengajaran guru di dalam kelas. Tambahan pula, lokasi tersebut telah dipilih kerana pengkaji dapat memperolehi responden yang mencukupi bagi mejayakan kajian ini. Di samping itu, faktor kos dan masa juga menjadi rasional dalam pemilihan lokasi kajian tersebut.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian pelaksanaan PdPc peribahasa menggunakan bahan multimodal di sekolah amat penting dilaksanakan kerana kurangnya dapatan kajian berkaitan dengan bahan multimodal dalam konteks PdPc bahasa Melayu. Kajian-kajian lepas yang mengkaji tentang peribahasa dan strategi PdPc peribahasa telah banyak dijalankan, misalnya kajian Siti Fadhillah (2013), Norul Haida (2016) dan Mohd Ridzuan (2017) tetapi hasil penelitian pengkaji menjelaskan bahawa kajian berkaitan pelaksanaan PdPc peribahasa bahasa Melayu dengan menggunakan bahan multimodal di sekolah tidak lagi dikupas dengan sepenuhnya. Oleh hal yang demikian hasil kajian ini dapat mengisi jurang kajian yang sedia ada. Hal ini demikian dikatakan kerana dapatan kajian terdahulu berkaitan multimodal lebih tertumpu kepada disiplin ilmu yang lain seperti KOMSAS. Justeru, kajian seumpama ini perlu dijalankan untuk mendapatkan gambaran sebenar dan realistik pelaksanaan PdPc peribahasa bahasa Melayu dengan menggunakan bahan multimodal di sekolah menengah.

Kajian yang dilaksanakan ini turut mempunyai beberapa kepentingan khususnya kepada penyelidik dan guru-guru bahasa dan juga pihak-pihak yang terlibat dalam pendidikan. Hasil kajian ini dapat membantu penyelidik mengesan kelebihan dan kekurangan penggunaan bahan multimodal dalam pengajaran





peribahasa. Selain itu, hasil kajian ini akan menjadi sumber inspirasi para pengkaji seterusnya untuk membuat kajian yang lebih terperinci lagi agar satu hari nanti semua kelemahan murid dalam menguasai aspek peribahasa dapat dikurangkan.

Selain itu, dapatan kajian ini kelak diharap dapat menjadi penanda aras kepada guru-guru bahasa Melayu untuk menilai semula amalan dan strategi pengajaran mereka. Melalui kajian peribahasa ini guru-guru dapat mengetahui fasa-fasa interaktif dalam pengajaran berasaskan bahan multimodal dengan lebih tersusun. Dengan ini guru dapat menyediakan bahan pengajaran dan dapat merancang pengajaran yang lebih sesuai dan berkesan di dalam bilik darjah

Tambahan pula, kajian ini turut dapat membina idea dan gambaran baharu kepada para pendidik dalam menyediakan bahan pengajaran yang sesuai berdasarkan elemen visual, auditori dan kinestetik. Hal ini demikian kerana guru-guru yang mempunyai kreativiti yang tinggi dan bijak menentukan pendekatan pengajaran, mampu menghasilkan sebuah pengajaran yang berkesan dan tidak membosankan. Walaupun pada masa tertentu murid-murid memahami pengajaran guru, namun keperluan kepada bahan multimodal adalah penting mahupun berbentuk elektronik atau bukan elektronik.

Seterusnya, kajian ini penting kerana kepelbagaian mod dalam PdP mampu merangsang pemikiran murid yang lebih efektif berbanding pengajaran secara tradisional. Menurut Rodiah (2018) guru disarankan untuk tidak berada di takuk lama, sebaliknya perlu mengikuti peredaran zaman bagi persekitaran pelajar masa depan. Revolusi Industri (IR4.0) menegaskan guru harus bertindak sebagai





pemimpin yang berkerjasama dengan murid untuk menciptakan ilmu pengetahuan dan teknologi yang mendukung sumber pembelajaran berasaskan internet atau digital. Guru seharusnya dapat merancang aktiviti dalam PdPc yang kreatif dan dapat menarik perhatian murid. Oleh hal yang demikian aplikasi pembelajaran abad ke-21 dalam kelas dengan aktiviti yang berkesan wajar dilaksanakan dalam PdPc bahasa Melayu khususnya peribahasa untuk mewujudkan pembelajaran pelbagai hala.

Tambahan pula, kajian ini juga diharapkan dapat memberi manfaat kepada pihak sekolah khususnya dalam usaha melahirkan lebih ramai murid yang berfikiran kritis dan kreatif. Dengan ini hasrat untuk menghasilkan murid yang berkualiti dapat tercapai kerana pembaharuan dan inovasi dalam pendidikan khususnya dalam peribahasa bahasa Melayu yang menggunakan bahan multimodal akan dapat meningkatkan kualiti kaedah pengajaran mereka. Justeru, dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang dapatan baharu dalam konteks PdPc bahasa Melayu, terutamanya dalam memberikan nilai tambah kepada bidang pendidikan bahasa Melayu.

Dalam era globalisasi ini, penggunaan peribahasa amat penting untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Menurut Azaruddin (2015) peribahasa mempunyai kedudukan yang sama penting dalam PdPc bahasa Melayu. Selain itu, peribahasa dapat meningkatkan kebolehan berbahasa dalam kalangan murid. Kemahiran berbahasa ini pula akan diteliti dalam konteks kebolehan murid menggunakan peribahasa dalam aktiviti seharian dan penulisan. Penggunaan peribahasa yang sesuai dalam penulisan dapat menjadikan sesebuah karya dan penulisan itu lebih indah dan bermutu.



Menurut Shukor (2012) pengajaran dan pembelajaran peribahasa yang menarik dan berkesan dapat meningkatkan kemahiran berbahasa murid-murid. Bukan sahaja dalam aktiviti penulisan ayat atau karangan tetapi murid-murid juga digalakkan untuk menggunakan bahasa kiasan ini dalam aktiviti lisan di dalam kelas. Di samping itu, pengajaran peribahasa wajar dilaksanakan supaya golongan muda dapat memastikan warisan bangsa tidak terus dilupakan. Secara tidak langsung golongan muda juga boleh didedahkan dengan falsafah, pemikiran dan moral bangsa Melayu untuk dijadikan pedoman hidup.

1.8 Definisi Operasional

Terdapat enam definisi operasional yang berkaitan dengan tajuk kajian telah dibincangkan iaitu:

1.8.1 Pelaksanaan

Pelaksanaan merujuk kepada melaksanakan PdPc peribahasa menggunakan bahan multimodal dalam kalangan murid menengah rendah. Kamus Pelajar Edisi Kedua (2008) mendefinisikan pelaksanaan sebagai perbuatan atau hal melaksanakan (menjalankan atau mengusahakan) sesuatu. Menurut Nurdin Usman (2002), pelaksanaan adalah suatu tindakan atau pelaksanaan dari sebuah rencana yang sudah disusun secara matang dan terperinci, implementasi biasanya dilakukan setelah perencanaan sudah dianggap siap. Istilah pelaksanaan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah perbuatan atau usaha guru dalam menjalankan PdPc peribahasa menggunakan bahan multimodal di sekolah menengah.



1.8.2 Peribahasa

Peribahasa merupakan aspek yang terkandung dalam DSKP sekolah menengah yang dapat diteliti dalam aspek seni bahasa. Peribahasa merupakan suatu ungkapan dan perkataan yang mengandungi maksud kiasan atau tersirat. Bait-bait peribahasa mengandungi makna tersirat yang perlu dirungkaikan mengikut fungsi dan situasi.

Selain itu, Ensiklopedia Bahasa Melayu (2008) mentakrifkan peribahasa sebagai frasa dan ayat yang mempunyai susunan yang tepat dan mengandungi makna yang khusus. Peribahasa juga boleh digolongkan sebagai istilah umum kepada jenis-jenis lain yang dikenali sebagai simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan dan perbilangan.



Dalam konteks kajian ini, peribahasa yang diberikan fokus ialah peribahasa yang menjadi elemen wajib yang perlu diajarkan di sekolah berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) sekolah menengah, tingkatan satu dan tingkatan dua.

1.8.3 Multimodal

Multimodal merujuk kepada pembelajaran yang melibatkan beberapa deria seperti visual, pendengaran dan kinestetik ketika berlakunya proses PdP. Kepelbagaian mod dalam pembelajaran akan memberikan peluang kepada murid untuk merasai gaya pembelajaran yang pelbagai. Jewitt (2014) menjelaskan bahawa multimodal adalah satu pendekatan inovatif untuk representasi, komunikasi dan interaksi yang melangkaui bahasa untuk mengkaji pelbagai cara manusia berkomunikasi, iaitu melalui imej, bunyi



dan muzik kepada gerak isyarat, postur badan dan penggunaan ruang. Hal ini bermakna multimodal merujuk kepada interaksi interpersonal dalam komunikasi yang melibatkan bahasa verbal dan bukan verbal. Bahasa verbal adalah bahasa lisan dan tulisan yang menghasilkan bunyi, suara, dan tulisan. Interaksi visual adalah bahasa bukan verbal yang bermaksud, bahasa tubuh, gestur, kinestetik dan lain-lain. KPM (2021) menjelaskan bahawa perancangan aktiviti PdP dan penyediaan bahan pembelajaran yang sesuai berdasarkan gaya pembelajaran murid (visual, audio, atau kinestetik) agar dapat memberikan impak yang lebih tinggi terhadap tahap penguasaan murid. Kajian ini mengupas elemen multimodal seperti visual, auditori dan kinestetik diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran peribahasa bahasa Melayu bagi melihat keberkesanan dalam pelaksanaannya.

1.8.4 Sekolah Menengah

Akta Pendidikan 1966 mendefinisikan sekolah menengah sebagai sebuah sekolah yang menyediakan pendidikan menengah yang sesuai bagi murid yang telah tamat mengikuti pendidikan rendah. Di Malaysia terdapat pelbagai jenis sekolah menengah, namun kajian ini telah dijalankan di sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Harian (SMKH). SMK H terbahagi kepada dua tahap iaitu Sekolah Menengah Rendah dan Sekolah Menengah Atas. Sekolah Menengah Rendah terdiri daripada tingkatan satu hingga tingkatan tiga, manakala Sekolah Menengah Atas pula tingkatan empat hingga enam. Dalam kajian ini, fokus utama diberikan kepada murid-murid menengah rendah iaitu tingkatan satu dan tingkatan dua.

1.8.5 Strategi Pengajaran


Strategi pengajaran adalah suatu kemahiran merancang dan menguruskan kaedah dan teknik pengajaran untuk mencapai hasil pembelajaran. Strategi-strategi pengajaran yang dibincangkan dalam kajian ini adalah terdiri daripada strategi berpusatkan guru dan strategi berpusatkan murid.

1.8.6 Pendekatan

Naim Basir (2019) menyatakan pendekatan merujuk kepada cara bagaimana sesuatu mata pelajaran yang diajarkan untuk mencapai objektifnya. Misalnya pendekatan seperti pendekatan induktif, komunikatif dan pendekatan berpusatkan bahan. Dalam kajian ini penggunaan bahan multimodal seperti audio, visual dan kinestetik membolehkan guru untuk menyampaikan pengajaran dengan mudah dan menarik. Di samping itu, murid boleh memahami isi pelajaran dengan lebih bermakna dan mampu melaksanakan aktiviti secara sendiri dan berkumpulan.

1.9 Kerangka Konseptual

Rajah 1.1 di bawah menunjukkan kerangka konseptual kajian ini. Kerangka konseptual ini menjelaskan konsep-konsep yang menjadi fokus dalam kajian ini.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual

Pelaksanaan pengajaran dan pemudahcaraan peribahasa bahasa Melayu dalam kajian ini berdasarkan Teori Kecerdasan Pelbagai (TKP). Kajian ini



memberikan tumpuan kepada penggunaan bahan multimodal dalam pembelajaran peribahasa bahasa Melayu di sekolah menengah. Bahan multimodal terdiri daripada tiga elemen iaitu visual, auditori dan kinestetik. Guru perlu merancang dan memilih pendekatan yang sesuai bagi melaksanakan PdP peribahasa. Hal ini bertujuan untuk memudahkan guru mengubah pencapaian dan tingkah laku murid dan seterusnya dapat meningkatkan kemahiran murid.

Proses PdP dalam kajian ini dapat dilihat melalui dua strategi yang digunakan oleh guru iaitu strategi berpusatkan guru dan strategi berpusatkan murid. Strategi berpusatkan guru memberikan tumpuan kepada pengajaran guru di dalam kelas dan pendekatan yang digunakan untuk melaksanakan PdPc peribahasa menggunakan bahan multimodal. Setelah proses PdP dilaksanakan murid akan dinilai bagi melihat prestasi dan keberkesanan pengajaran yang dilaksanakan oleh guru. Pelaporan prestasi dan maklum balas daripada murid akan direkod oleh guru bagi memberikan gambaran tentang apa yang murid telah capai. Dengan ini guru dapat mengesan permasalahan yang wujud dan melakukan aktiviti penambahbaikan pada sesi PdP yang akan datang. Dengan ini, kajian ini dapat melihat keberkesanan pelaksanaan PdPc peribahasa bahasa Melayu menggunakan bahan multimodal di sekolah menengah.

1.10 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dalam bab ini pengkaji membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, definisi operasional dan kerangka konseptual. Bahan multimodal terbahagi kepada tiga





elemen utama iaitu visual, auditori dan kinestetik. Perbincangan lanjut mengenai tinjauan literatur akan dibincangkan dalam bab dua.

